

01/04/1998

Kepemimpinan Sabah berubah

KOTA KINABALU, Selasa - Mesyuarat perwakilan Umno bahagian di Sabah yang berakhir Ahad lalu menyaksikan hanya seorang daripada 20 ketua bahagian tewas.

Bagaimanapun, bagi peringkat pergerakan Pemuda dan Wanita, banyak perubahan berlaku, sekali gus membayangkan seolah-olah wujud angin perubahan dalam kepemimpinan Umno Sabah.

Perebutan berlaku di hampir semua kawasan, setidak-tidaknya bagi ahli jawatankuasa bahagian.

Paling banyak jawatan ditandingi ialah timbalan dan naib selain Ketua Pemuda, manakala ketua Wanita tidak begitu sengit persaingannya.

Kecuali tiga ahli Majlis Tertinggi (MT) yang dipersetujui untuk tidak dicabar iaitu Datuk Osu Sukam (Papar), Datuk Salleh Tun Said (Kota Belud) dan Datuk Shafie Apdal (Semporna), tujuh bahagian menyaksikan ketua bahagian dicabar, antaranya oleh timbalan mereka sendiri.

Ketua bahagian yang dicabar ialah Datuk Hussin Wahid Dally (Gaya), Datuk Ampong Puyon (Sandakan), Datuk Yahya Hussin (Penampang), Masrani Parman (Marudu), Saidi Suari (Bandau), Mohtar Radin (Kinabatangan) dan Surady Kayong (Beluran).

Kecuali Hussin Wahid Dally yang tewas di Gaya kepada timbalannya, Uzair Yahya, enam yang lain berjaya mengekalkan kedudukan masing-masing.

Di peringkat Pemuda, ada sekurang-kurangnya empat bahagian menyaksikan perubahan iaitu Tuaran, Sandakan, Kota Belud dan Sipitang.

Ketua Pemuda Umno Negeri, Jema Khan Majid Khan tidak mempertahankan jawatan Ketua Umno bahagian Tuaran atas alasan tidak mahu berlaku perpecahan kerana dia dicabar dua calon lain di bahagian itu.

Kejutan juga berlaku di Sandakan apabila Ketuanya, Afendi Hamdan, seorang usahawan muda dan tokoh yang begitu menonjol, tiba-tiba ditewaskan oleh muka baru, Ariffin Asgali.

Demikian juga bagi Ketua Pemuda Kota Belud, ia kini disandang muka baru, Mohd Syukur Abd Mumin selepas mengalahkan penyandang sebelum ini, Ripin Soud.

Di kawasan pedalaman, Ketua Pemuda bahagian Tenom, Rimin Maidin ditewaskan muka baru, Mansur Maidin.

Ketua Wanita Umno negeri, Senator Datuk Norjan Khan Bahadar, mengekalkan jawatan Ketua Umno Papar tanpa pertandingan.

Sehingga kini, hanya dua bahagian menampilkan muka baru iaitu Gaya dan Kinabalu.

Di Gaya, Zainab Datuk Ahmad menewaskan penyandang di bahagian itu, Maria Takin, manakala Anisah Yassin mengambil alih jawatan daripada Roskimullah Jumin di Kinabalu.

Cuma lapan bahagian tidak menyaksikan pertandingan bagi semua ahli jawatankuasa bahagian termasuk pada peringkat Pemuda dan Wanita.

Bahagian itu ialah Semporna, Papar, Tanjung Aru, Libaran, Sipitang, Tawau, Lahad Datu dan Keningau, sekali gus membayangkan mereka seiring nasihat pimpinan tertinggi parti dan Badan Perhubungan Umno Sabah.

Perkembangan ini mungkin dilihat bertentangan dengan keputusan Badan Perhubungan Umno Sabah pada 9 Februari lalu yang memutuskan tiada pertandingan semua jawatan di semua bahagian Umno di Sabah, bermula pada peringkat ketua bahagian hinggake peringkat Pemuda dan Wanita serta ahli jawatankuasa.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan Pengerusi Badan Perhubungan Umno

Sabah, Datuk Osu Sukam untuk mengelak persaingan, masih ada ahli parti yang "berpegang kepada buku perlembagaan" dan menuntut kebebasan hak demokrasi yang membenarkan pertandingan.

Di pihak yang dicabar pula, mereka mempertahankan diri sekadar merujuk kepada nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengelak perpecahan dan memperkukuh perpaduan.

Usaha untuk mengelak pertandingan sebenarnya turut dilakukan di peringkat Pergerakan Pemuda.

(END)